


TARIKH : 12/2/23

SURAT KHABAR : *Kosmo AHAD*

MUKA SURAT : 4



ANWAR beramah mesra bersama pengunjung Karnival Kerjaya MYFuture Jobs dan Majlis Pelancaran Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur semalam. – AMIR KHALID

Buka lebih banyak peluang kepada rakyat tempatan

+ Elak bergantung tenaga kerja asing

Oleh **MUHAMMAD NAJIB AHMAD FUAD**

KUALA LUMPUR – Negara perlu melakukan perubahan dan tidak terlalu bergantung terhadap pekerja asing dalam sektor pekerjaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, langkah itu bagi memberi lebih banyak peluang kepada rakyat tempatan memperoleh pekerjaan dengan gaji yang setimpal dalam beberapa sektor pekerjaan dalam negara.

“Jangan kita anggap pengambilan pekerja asing itu sebagai satu fenomena yang tetap, harus

ada langkah-langkah seperti yang saya sebut, ada syarikat di bawah Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang guna mekanisasi dan akibatnya pekerja tempatan itu masuk, tentu gaji lebih tinggi kerana mekanisasi.

“Ada usaha majikan dan kalau perlu kalau kita gunakan insentif tambahan untuk meminta majikan membuat penyesuaian dan pekerja tempatan senang menerima dengan gaji yang lebih tinggi,” katanya ketika ditemui selepas melancarkan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah dan Karnival Kerjaya MYFutureJobs di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini semalam.

Dalam hal itu juga, Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan perlu bekerjasama rapat dengan kementerian berkaitan bagi menyelesaikan isu pengambilan pekerja asing.

Tambahnya, majikan perlu mencari penyelesaian agar tidak berlaku isu pengurangan pekerja sehingga merencatkan operasi sesebuah syarikat.

“Ladang-ladang, syarikat, restoran mengeluh kerana kurang pekerja, tunggu bertahun-tahun, ladang pengeluaran terhambat, restoran ribuan ditutup.

“Kita masih tunggu keputusan cari pekerja tempatan, ia mesti dikaji dan dicari,” ujar beliau.